



# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans auto365 Third Party Fire & Theft (TPFT) Premier

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Peningkatan Manfaat Polisi Insurans Kenderaan Persendirian auto365. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

## 1. Apakah produk insurans ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans untuk kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda akibat pelanggaran, atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh kesalahan sendiri, kebakaran, kecurian, liabiliti kepada kecederaan tubuh badan atau kematian pihak ketiga, kerosakan harta benda pihak ketiga dan manfaat-manfaat lain yang tertera di dalam jadual polisi anda.

## 2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Insurans ini meliputi:

- kerugian atau kerosakan terhadap kenderaan anda atas sebab:
  - ✓ Perlanggaran atau terbalik akibat kemalangan yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian
  - ✓ Perlanggaran atau terbalik akibat kerosakan mekanikal yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian
  - ✓ Perlanggaran atau terbalik akibat kehausan dan kelusuhan yang disebabkan oleh kesalahan sendiri sehingga RM5,000 setiap kejadian
  - ✓ Kebakaran, letupan atau disambar kilat
  - ✓ Pecah masuk, pecah rumah atau kecurian
- liabiliti kepada pihak ketiga untuk kecederaan tubuh badan, kematian dan kerugian atau kerosakan harta benda
- manfaat-manfaat lain seperti pemandu tambahan dan bantuan penundaan jika berlakunya kemalangan

Beberapa pilihan perlindungan opsyenal popular dengan premium tambahan:

- liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang
- liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai
- perluasan perlindungan ke negara Thailand

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk ke cawangan atau perantara insurans kami untuk mendapatkan pilihan perlindungan opsyenal yang lain.

Nota:

- i) Undang-Undang Republik Singapura mewajibkan anda mempunyai perlindungan insurans bagi liabiliti undang-undang terhadap penumpang anda sebelum memasuki negara tersebut.
- ii) Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

## 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung kepada profil risiko individu anda termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) anda, perlindungan opsyenal yang di pilih oleh anda, keperluan pengunderaitan kami dan amaun diinsuranskan untuk kenderaan.

**AmGeneral Insurance Berhad** (44191-P)

*Ahli Kumpulan AmBank*

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)



1-300-80-3030



customer@amassurance.com.my



www.amassurance.com.my

#### 4. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj-caj yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Amaun
Cukai perkhidmatan	6% daripada premium
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	10% daripada premium

#### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?

- Fasal insurans terkurang akan dikenakan jika kenderaan anda diinsuranskan melebihi 10% kurang daripada nilai pasaran pada masa kerugian. Oleh yang demikian, adalah penting untuk anda memastikan kenderaan anda diinsuranskan secukupnya untuk mengelakkan daripada terkurang atau terlebih insurans.
- Anda perlu menanggung eksek dan eksek wajib untuk kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda:
  - Eksek ialah amaun pertama yang anda perlu tanggung untuk setiap tuntutan akibat satu kejadian yang kami luluskan. Sila rujuk jadual polisi anda untuk mengetahui amaun eksek yang anda diwajibkan bayar.
  - Eksek wajib sebanyak RM400 adalah tambahan kepada eksek di dalam jadual polisi anda yang anda perlu tanggung bagi setiap tuntutan yang timbul daripada satu kejadian yang diluluskan oleh kami. Walau bagaimanapun, eksek wajib ini akan dikecualikan jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh kebakaran, letupan, disambar kilat, pecah masuk, pecah rumah atau kecurian. Eksek wajib akan dikenakan jika anda atau pemandu lain yang memandu kenderaan anda:
    - adalah di bawah umur 21 tahun; atau
    - memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L); atau
    - tidak dinamakan dalam Jadual sebagai pemandu dinamakan
- Penambahbaikan akan dikenakan jika alat ganti asli yang baharu digunakan untuk membaiki kenderaan anda (untuk umur kenderaan lima tahun dan ke atas) dan ini menyebabkan kenderaan anda berada dalam keadaan yang lebih baik daripada keadaannya sebelum kerosakan berlaku. Anda diperlukan menyumbang terhadap penambahbaikan itu, dengan menanggung sebahagian kos alat ganti baharu dan asli tersebut.

#### 6. Apakah kepentingan Pendedahan yang harus saya ambil perhatian?

##### Kontrak Insurans Pengguna

Di mana insurans yang anda pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) contohnya, anda sepatutnya menjawab semua soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

##### Kontrak Insurans Komersial

Di mana insurans yang anda pohon ini berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan; kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

**7. Berapakah amaun diinsurankan yang sepatutnya untuk kenderaan saya?**

Anda hendaklah menginsurankan kenderaan anda berdasarkan nilai pasaran kenderaan anda semasa memohon polisi insurans motor ini. Nilai ini akan menjadi "amaun diinsurankan" kenderaan anda di dalam polisi motor anda.

**8. Mengapa saya perlu memilih nilai pasaran yang disyorkan sebagai amaun diinsurankan dalam polisi?**

Sistem Penilaian Pasaran yang diluluskan akan digunakan sebagai panduan untuk mengesyorkan amaun diinsurankan untuk kenderaan anda ketika anda membeli insurans motor ini.

- Sekiranya kenderaan anda tidak berhemat dibaiki dalam kebakaran atau dicuri dan tidak diperolehi kembali, jumlah yang akan kami bayar ialah nilai pasaran yang akan dipastikan pada masa kerugian atau amaun diinsurankan seperti mana yang tertera dalam jadual, yang mana lebih rendah.

**9. Apakah yang akan berlaku sekiranya kenderaan saya diinsurankan lebih rendah daripada nilai pasaran?**

Anda akan dianggap menginsurankan perbezaan nilai tersebut sendiri, iaitu, jika berlaku kerugian atau kerosakan, anda akan hanya dibayar sebahagian gantirugi (setakat bahagian yang diinsurankan) oleh kami.

**10. Apakah yang akan berlaku sekiranya kenderaan saya diinsurankan lebih tinggi daripada nilai pasaran?**

Sekiranya anda menginsurankan kenderaan anda pada jumlah yang lebih tinggi daripada nilai pasaran pada masa kenderaan anda tidak berhemat dibaiki atau dicuri dan tidak diperolehi kembali, kami akan menyelesaikan tuntutan anda secukupnya dan menampung kerugian yang ditanggung sehingga ke harga nilai pasaran kenderaan anda. Sekiranya anda menginsurankan kenderaan anda lebih daripada nilai pasaran, anda akan membayar premium yang lebih tinggi walaupun ia tidak diperlukan.

**11. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi sesetengah kerugian, contohnya:

- anda atau pemandu yang dibenarkan anda memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga ke tahap tidak dapat mengawal kenderaan anda dengan sewajarnya
- kenderaan anda digunakan:
  - untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang atau sebarang percubaan untuk melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang
  - berlatih untuk atau mengambil bahagian dalam sukan permotoran, pertandingan, ujian keandalan (reliability trial), ujian kelajuan cubaan atau di mana-mana litar perlumbaan
- kerugian, kerosakan atau liabiliti yang disebabkan oleh pemandu yang tidak dibenarkan
- kerugian, kerosakan atau liabiliti yang berkaitan dengan peperangan, tindakan keganasan, mogok, rusuhan atau kekacauan awam
- kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat konvulsi alam semula jadi / malapetaka alam seperti banjir, taufan, ribut, tanah runtuh dsb.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**12. Apakah perkhidmatan/faedah yang boleh saya perolehi daripada polisi ini?**

• **Am Auto Assist**

- Bantuan perkhidmatan penundaan 24 jam sehingga 200km untuk setiap perjalanan ulang-alik bagi mana-mana satu kejadian di mana kenderaan anda tidak boleh dipandu atau tidak selamat dipandu akibat sebarang kerosakan seperti yang tersenarai di dalam polisi ini dan ia perlu ditunda di dalam Malaysia

Sila muat turun aplikasi AmAssurance One Touch App untuk berhubung terus dengan kami atau dail 1-300-88-2647 untuk bantuan.

• **Peringatan SMS**

Peringatan SMS untuk pembaharuan polisi dan status tuntutan.

• **Bengkel Yang Diluluskan oleh AmAssurance**

Khidmat baiki kenderaan tanpa rumit dengan lebih daripada 400 bengkel yang diluluskan seluruh negara.

**13. Apa yang perlu anda tahu apabila membuat tuntutan?**

- Buat laporan polis untuk segala kejadian. Untuk kemalangan di jalan raya, laporkan kepada pihak polis dalam masa 24 jam.
- Maklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh 7 hari selepas kejadian tersebut. Isikan borang tuntutan dengan lengkap dan kembalikan kepada kami dengan dokumen berkenaan dalam tempoh masa 21 hari daripada tarikh pemberitahuan.
- Untuk tuntutan Kerosakan Sendiri, kerosakan kenderaan mestilah dikendalikan oleh bengkel yang diluluskan oleh kami.

#### 14. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan, anda layak untuk mendapat bayaran balik premium jikalau tiada tuntutan terdahulu, berdasarkan kadar jangka pendek, di mana sebarang premium minimum dibayar di bawah polisi ini tidak boleh dipulangkan.

#### 15. Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang perubahan maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

#### 16. Apakah pilihan lain untuk perlindungan insurans motor?

Berikut adalah pilihan lain untuk perlindungan insurans motor:

- Insurans Motor – Perlindungan Komprehensif Premier
- Insurans Motor – Perlindungan Komprehensif
- Insurans Motor – Perlindungan Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian
- Insurans Motor – Perlindungan Pihak Ketiga <sup>Tarif</sup>

#### 17. Dimanakah boleh saya dapatkan maklumat yang lebih lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat am berkaitan insurans motor, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* untuk “Insurans Motor” yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinan dari perantara insurans atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my) untuk maklumat lanjut.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

##### **AmGeneral Insurance Berhad**

Menara Shell,  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur,  
Malaysia.

Talian Bebas Tol : 1-300-80-3030

E-mel : [customer@amassurance.com.my](mailto:customer@amassurance.com.my)

Laman Web : [www.amassurance.com.my](http://www.amassurance.com.my)

#### **NOTA PENTING:**

ANDA HARUS MEMASTIKAN KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN NILAI YANG BERSESUAIAN KERANA IA AKAN MEMBERI KESAN KE ATAS JUMLAH YANG ANDA BOLEH TUNTUT. APABILA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. SEKIRANYA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA BUKANLAH PIHAK YANG BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEMUKAKAN TUNTUTAN KEPADA KAMI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 Mac 2019.